

Sayugia diingatkan, pelajar yang mengikuti kursus jurusan bahasa Arab perlu mengetahui makna sebenar perkataan asal dan juga makna bagi perkataan berimbuhan. Hal ini bertujuan memberi pemahaman dengan lebih mendalam dan berkesan terhadap setiap ayat dalam bahasa Arab yang dipelajari seterusnya dapat menggunakannya dengan lebih tepat dan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Oleh yang demikian, sebagai pencinta ilmu, adalah menjadi tanggungjawab penyelidik untuk merungkai permasalahan sehingga permasalahan tersebut berjaya dileraikan. Semoga dengan usaha dan semangat yang jitu serta tunjuk ajar penyelia, Alhamdulillah kajian ini dapat diteruskan sehingga sampai ke penghujung dan penamatnya dan seterusnya dapat memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Bahasa Moden.

BAB 2

LANDASAN TEORI

2.0 Pendahuluan

Dalam membicarakan perkataan berimbuhan, kebanyakan perkataan Arab terbentuk daripada tiga huruf iaitu / // // /. Huruf yang lebih daripada tiga huruf merupakan huruf imbuhan yang membawa makna tersendiri. Kata terbitan daripada pola imbuhan akan membawa makna baharu. Asas bagi menilai imbuhan ini dikira daripada perkataan kata kerja. Lantaran itu kata terbitan akan lahir daripada kata kerja tersebut. Setiap pola imbuhan ini mempunyai makna dan maksud tersendiri berdasarkan kepada huruf imbuhan.

Bab ini juga turut membicarakan pendekatan, kaedah, kelayakan terjemahan di samping landasan teori terjemahan mengikut pandangan sarjana tempatan dan antarabangsa bahasa Arab mahupun bahasa lain. Kajian ini bertujuan melihat tahap kemahiran pelajar jurusan bahasa Arab di peringkat IPTA dalam menterjemah perkataan Arab berimbuhan daripada frasa dan rangkap ayat secara keseluruhannya.

2.1 Pola Berimbuhan dan Maknanya

“*Mizan sarf*” merupakan pengukur atau penimbang yang diasaskan oleh sarjana bahasa Arab untuk mengetahui perubahan pola perkataan. Sarjana bahasa Arab menetapkan pengukuran imbuhan berasal daripada pola perkataan tiga huruf / // // / (Mustaffa Ahmad Nammas:1988: 28). Huruf-huruf yang lebih daripada tiga huruf merupakan huruf imbuhan yang membawa makna dan maksud tersendiri. Bertolak dari sini, para sarjana bahasa Arab menetapkan huruf imbuhan kepada kata kerja tiga huruf dan kata kerja empat huruf. Imbuhan tiga

huruf terdiri daripada sepuluh *wazan* , sementara imbuhan empat huruf terdiri daripada tiga *wazan* (Antuan Dahdah,1989:117)

Bil	Wazan	Huruf imbuhan	Jenis imbuhan	Contoh
1			Sisipan	-
2			Sisipan	—
3			Awalan	—
4			Awalan dan apitan	-
5			Awalan dan apitan	—
6			Awalan	—
7			Awalan dan apitan	—
8			Awalan dan apitan	—
9			Awalan	—
10			Awalan dan apitan	-

(Jadual 2.1: Pola Imbuhan Tiga Huruf)


Para sarjana bahasa Arab menetapkan juga, bahawa imbuhan empat huruf terdiri daripada tiga *wazan* (Antuan Dahdah, 1989:117)

Bil	Wazan	Huruf imbuhan	Jenis imbuhan	Contoh
-----	-------	---------------	---------------	--------


1			Awalan	-
2			Awalan dan apitan	—
3			Awalan dan apitan	-

(Jadual 2.2: Pola Imbuan Empat Huruf)

Kata kerja tiga huruf mempunyai tiga bentuk imbuan seperti imbuan awalan, sisipan dan apitan. Huruf-huruf imbuan pula mempunyai tiga katogeri. Pertama, imbuan satu huruf. Kedua, imbuan dua huruf dan yang ketiga ialah imbuan tiga huruf. Kata kerja yang berasal daripada empat huruf pula mempunyai imbuan satu huruf atau dua huruf (Al-Rajih. 2004: 28).



(Rajah 2.1: Pola Imbuhan Berasal Tiga Huruf)



(Rajah 2.2: Pola Imbuhan Berasal Empat Huruf)

Setiap imbuhan dalam kata kerja memberikan perubahan terhadap makna sesuatu entri. Oleh itu, setiap kata kerja imbuhan mengandungi makna yang tersirat yang sukar bagi kita menterjemahkannya secara tersurat (Abd Rauf dan rakan, 2005:viii). Bagi menjelaskan cara pembentukannya, berpandukan jadual di bawah:

Contoh	Makna Imbuhan	Makna Tersirat	Acuan Kata Kerja Imbuhan	Bil
—	me-/	Sengaja(bertindak)	—	1
—	Me-/beR	Banyak	—	2
—	Me/beR	Saling (salah seorang)	—	3
—	beR	Saling melakukan (kedua-dua)	—	4
-	beR-/ teR	Serius	—	5
-	Ber-/ teR	Bersungguh-sungguh	—	6
-	ter-	Kesan/natijah	—	7
—	Ke-...an	Semakin bertambah(warna)	—	8
-	beR-/ me	Meminta/berusaha	—	9

(Jadual 2.3 : Variasi Makna Pola Imbuhan Tiga Huruf)

Berdasarkan jadual di atas, secara praktiknya kita lihat bahawa bermaksud membunuh; maksud tersirat ialah saling melakukan, maka apabila digabungkan menjadi yang bermaksud berbunuh-bunuh.

Makna = makna tersirat + acuan kata kerja imbuhan

Berbunuh-bunuh saling melakukan membunuh

Meminta ampun meminta melakukan mengampun

Walau bagaimanapun, kaedah ini hanyalah merupakan kiasan. Penggunaan dan makna sesuatu perkataan tertakluk kepada kesesuaiannya dalam kontek ayat (Abd Rauf dan rakan, 2005:viii).

Setiap pola imbuhan ini mempunyai makna tersendiri yang dibawa oleh huruf imbuhan. Setiap pola imbuhan mempunyai tidak kurang dari lima makna. Makna-makna tersebut timbul hasil daripada keperluan kegunaan ayat. Pola imbuhan juga membawa makna yang mempunyai makna pola asal. Contohnya seperti pola () bermakna keluar. Ayatnya: () bermakna: Muhammad keluar dari bank. Imbuhan yang membawa makna asal ialah ()

bermakna mengeluarkan. Contoh ayat: () bermakna Muhammad mengeluarkan bukunya daripada beg.


Pola imbuhan juga mempunyai makna yang asing atau berbeza daripada makna pola asal. Contohnya seperti: () bermakna menerima. Pola imbuhan pula seperti: () bermaksud datang, () memberi makna mengucup/mencium, () bermaksud bertemu/berjumpa, () bermaksud menyambut, () bermaksud menerima dan () memberi makna berhadapan (Kamus Al-Farid, 2009).

Bilangan	Perkataan Arab	Makna Perkataan
1		Datang
2		Mengucup/mencium
3		Bertemu
4		Menyambut
5		Menerima
6		Berhadapan

(Jadual 2.4 : Contoh Pola Berimbuhan Yang Lahir dan Tidak Sama Maknanya dengan Pola Asal)

Perubahan makna di atas menunjukkan bahawa setiap pola imbuhan mempunyai makna tersendiri sama ada makna yang berasal daripada pola asal atau makna tersendiri. Penggunaan pola imbuhan yang betul membawa kepada penggunaan dan pembinaan ayat yang mempunyai makna yang tepat. Oleh itu, penguasaan makna ini sukar diperolehi oleh bukan penutur jati. Hal ini disebabkan oleh mereka kurang pendedahan dalam penggunaan perkataan tersebut.

Setiap perubahan pola dengan imbuhan pada perkataan asal membawa makna tersendiri. Lantaran itu pelajar hendaklah mengetahui dan memahami makna perkataan yang sesuai dengan makna yang dikehendakinya. Dalam memilih perkataan kata kerja bagi sesuatu kata dasar perkataan yang berasal daripada tiga huruf utama, pelajar hendaklah berhati-hati kerana hampir semua perkataan mempunyai makna yang berlainan dengan perkataan tiga huruf.



(Rajah 2.3 : Contoh Pola Berimbuhan Pola Asal)

Begitu juga kesulitan dalam memilih perkataan kata nama daripada asas perkataan tiga huruf utama. Contohnya seperti di bawah:

-		

(Jadual 2.5 : Contoh Pola Terbitan Daripada Pola Tiga Huruf)

Pelajar hendaklah teliti dalam memilih perkataan kata kerja yang tepat untuk menerangkan makna yang dikehendaknya. Jika tersilap memilih perkataan, maka makna yang dikehendaki pun tidak tercapai. Dari sudut sebutan perkataan, maknanya hampir sama sahaja. Begitu juga dalam penulisan. Terdapat perbezaan dalam sebutan dari sudut penambahan kecil yang hanya memerlukan kepada bunyi yang ringkas. Di sebabkan kesukaran memilih perkataan inilah yang membuatkan pelajar mungkin menghadapi kesulitan dalam bertutur dan seterusnya memberi kesan kepada penguasaan terjemahan. Perkara ini telah dibincangkan dalam buku bertajuk “Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab untuk Pelajar Bukan Penutur Jati ,, (Rosni Samah 2009:55). Penulis telah mengemukakan beberapa situasi penggunaan ayat yang digunakan oleh pelajar. Contoh penggunaan ayat yang salah seperti pelajar hendak berjumpa dengan guru perempuan di dalam biliknya. Lalu beliau memberitahunya dengan ayat berikut:

Kedua-dua ayat di atas hanya mempunyai sedikit perbezaan intonasi suara sahaja. Intonasi menunjukkan makna yang lain tidak seperti maksud yang dikehendaki oleh pelajar. Ayat seperti ini walaupun dari sudut susunannya betul, tetapi ayat ini salah dari sudut makna. Ayat pertama bermaksud pelajar hendak mencium gurunya di dalam kelas. Ayat kedua pula bermakna pelajar mendekati/menghampiri guru di dalam kelas. Sepatutnya ayat yang menunjukkan makna yang dikehendaki ialah seperti di bawah:

Ayat ini tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan ayat di atas. Pelajar kadangkala menggunakan perkataan yang tidak menunjukkan maksud yang dikehendakinya. Bagi menjayakan kemahiran terjemahan ini, pelajar hendaklah sentiasa menggunakan perkataan yang menunjukkan makna dan maksud yang dikehendaki. Kesukaran memilih perkataan yang sesuai boleh diatasi dengan banyak membuat latihan dan sentiasa menterjemah teks dalam pelbagai bidang. Dengan ini perkataan yang dikehendaki itu akan dapat diterjemahkan dengan tepat dan berkesan.

2.2 Terjemahan dalam Pengajaran Bahasa Arab

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang mempunyai jumlah penutur yang paling ramai di dunia. Justeru, bahasa ini telah diakui sebagai salah

satu bahasa antarabangsa. Hakikatnya, keunikan bahasa ini menjadikannya bahasa yang begitu istimewa sekali dalam kalangan penduduk di dunia ini. Bahasa Arab juga diklasifikasikan sebagai bahasa Sematik kerana asal perkataan ini terbina daripada tiga huruf (Wan Azura Wan Ahmad, 2006:1). Dalam konteks ini, aspek terjemahan tidak ketinggalan dalam memberikan kefahaman yang mendalam terhadap pembelajaran dan penguasaan bahasa Arab dengan lebih tepat.

Terdapat ramai sarjana yang menganjurkan pengajaran terjemahan dalam meningkatkan penguasaan bahasa kedua. Pengajaran terjemahan merupakan asas kejayaan dalam pengajaran bahasa kedua. Dalam konteks ini pelajar hendaklah membiasakan diri dengan terjemahan pelbagai aras bahasa sehingga terjemahan menjadi satu lumrah dan kebiasaan dalam kehidupan bagi membina kemahiran berbahasa. Begitu juga pelajar hendaklah mempelajari kaedah dan teknik terjemahan bagi menghasilkan terjemahan yang baik (Munsi Abdul 'Alim al-Sayyed.1995:11).

Al-Hamsi (2003:19) mencadangkan supaya terjemahan dapat digunakan dalam bidang pengajaran bahasa asing. Terjemahan dilaksanakan melalui latihan dan praktis. Ini disebabkan oleh, pengajaran bahasa asing mempunyai hubungan yang rapat dengan terjemahan. Pelajar hendaklah diperkenalkan dengan teknik terjemahan bagi membolehkan menterjemah pelbagai aras bahasa dengan baik. Terjemahan ini menjadi lebih penting dalam pengajaran bahasa asing terutamanya untuk memahami makna kosa kata dan ayat yang tepat. Tanpa terjemahan, pelajar tidak akan dapat memahami makna kosa kata dan ayat dengan tepat dan baik.

Bagi menjayakan pengajaran kemahiran bahasa Arab ini, kaedah yang berkesan hendaklah dipilih dan digunakan dalam pengajaran. Dalam perkembangan pengajaran bahasa Arab pada hari ini didapati kaedah pengajarannya adalah sama di setiap sekolah. Ia dilaksanakan oleh kebanyakan guru bahasa Arab. Kaedah tersebut ialah kaedah terjemahan bagi memudahkan kerja pengajaran dan membantu pelajar memahami maklumat dengan cepat.

Kaedah ini merupakan kaedah yang diwarisi secara tradisi. Guru yang ada sekarang walaupun mengikuti kursus perguruan tetapi mereka masih menggunakan kaedah tersebut dan kerap kali digunakan di Sekolah Agama Kerajaan Negeri (Mohammad Marwan, 2007:30). Hal ini demikian kerana mereka terpengaruh dengan cara mereka belajar semasa di sekolah dahulu. Mereka lebih mudah menggunakan kaedah ini kerana pelajar akan dapat memahami dengan mudah melalui bahasa Melayu yang diterjemahkan.

Pada pandangan penulis, kaedah terjemahan dan hafalan banyak membantu dalam menguasai bahasa. Perkara yang dimaksudkan dengan terjemahan dan hafalan ini ialah terjemahan perkataan dan ayat yang tepat supaya pelajar dapat mengetahui makna sebenar dalam situasinya dan boleh menggunakannya ketika perlu. Terjemahan seperti ini akan dapat memberi penguasaan yang baik kepada pelajar.

Pelajar perlu menghafal perkataan-perkataan yang selalu digunakan dalam situasi tertentu dan menterjemahkannya. Proses hafalan ini akan dapat membantu mereka menguasai bahasa dengan baik. Pelajar akan lebih yakin menggunakan

bahasa yang dihafalnya dengan baik dan menggunakannya dengan lebih yakin dalam menyusun ayat. Contoh yang boleh diberikan seperti di bawah:

Peranan terjemahan pula ialah menterjemahkan makna perkataan yang tepat dalam penggunaannya supaya pelajar tidak terbabas dalam penggunaannya. Hal ini adalah untuk memberi makna perkataan yang tepat kepada pelajar supaya dapat digunakannya pada tempat yang lain. Perkataan kadang-kala disalah faham oleh pelajar. Kebanyakan mereka memahami maknanya sebagai menolong, kerana mereka menganggap dari perkataan yang selalu mereka jumpa disebabkan asal perkataan tiga huruf iaitu: / / / / / / (al- Mu'jam al-Wa: set t.t). Sekiranya perkataan tersebut tidak diterjemahkan dengan makna sebenar, mereka tidak akan dapat menggunakan bahasa yang baik (Rosni Samah, 2009:48).

Selepas menterjemahkan perkataan dan ayat dengan baik, pelajar hendaklah menghafal perkataan serta ayat tersebut untuk membantunya dalam penggunaan bahasa tersebut ketika perlu. Pendekatan terjemahan dan hafalan ini dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa dengan baik. Tanpa keduanya

mereka tidak dapat menguasai bahasa dengan lebih yakin (al-Na qah & Ta:'imah, 2003).

Terjemahan dan hafalan bersama dengan kefahaman dapat membantu pelajar menguasai bahasa dengan baik. Terjemahan akan dapat memberikan mereka makna sebenar perkataan untuk digunakan. Hafalan dan kefahaman pula dapat membantu mereka menguasai perkataan dan ayat untuk digunakan. Dengan banyak membaca mereka akan dapat menambahkan kosa kata bahasa tersebut. Akhirnya mereka mampu menguasai bahasa dengan membaca sendiri berpandukan penggunaan kamus.

Perkataan yang tidak diberikan makna sebenar kegunaannya akan menimbulkan masalah kepada mereka untuk memahaminya. Contohnya perkataan
perkataan-perkataan ini memberikan makna yang keliru kepada mereka untuk memahami dan menggunakannya. Jika tidak diterjemahkan dengan tepat, mereka akan menganggap bahawa semua perkataan tersebut mempunyai makna yang sama. Selepas menterjemahkan maknanya dan menjelaskan penggunaannya, mereka dapat membezakan setiap makna mengikut kehendak ayat walaupun ia tidak berbaris. Mereka mampu menggunakannya mengikut situasi yang diperlukan (Rosni Samah, 2009:49). Contohnya:

Mereka akan dapat membaca perkataan dengan betul .

Hafalan pula memberi mereka keyakinan dalam mempelajari bahasa. Dengan banyak menterjemah, mereka akan dapat mengenali perkataan dengan betul dan menghafal perkataan serta ayat yang dapat membantu mereka menguasai bahasa. Ini dapat dilakukan dalam kelas terjemahan akhbar. Pada peringkat permulaan, mereka tidak mampu membaca surat khabar Arab kerana tidak memahami makna perkataannya. Sesudah mengikuti kelas terjemahan akhbar selama beberapa jam, mereka mampu membaca dan memahami serta menggunakan ayat-ayatnya. Ini dapat meningkatkan penguasaan kosa kata dan seterusnya memahirkan kemahiran berbahasa mereka.

2.3 Strategi Terjemahan dalam Memantapkan Penguasaan Bahasa Arab

Pendekatan terjemahan yang diterapkan boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat. Antaranya ialah guru menterjemahkan perkataan mengikut makna yang tepat (Ahmad Muktar Umar, 1982:251). Terjemahan perkataan dengan tepat dapat memberi pengetahuan dan pemahaman bahasa dengan baik. Justeru pelajar akan dapat menguasai bahasa dengan baik dan tepat. Begitu juga mereka dapat menterjemahkan perkataan dengan tepat pada masa hadapan.

Berdasarkan pendekatan ini, guru membaca ayat dan menyebut perkataan demi perkataan. Kemudian menterjemahkan perkataan satu persatu dengan terjemahan yang tepat. Melalui proses ini, pelajar dapat mengikuti cara menterjemah dengan baik. Selepas menterjemahkan perkataan baharulah guru menerangkan kefahamannya. Begitu juga guru menyebut perkataan dengan

sebutan dan baris yang betul. Bacaan dan sebutan yang betul ini penting dalam proses pengajaran bahasa.

Selepas menterjemah perkataan, guru menterjemahkan ayat atau menerangkan maknanya. Ayat yang diterjemahkan itu merupakan ayat-ayat yang mempunyai susunan pendek yang memberi makna. Dengan itu pelajar akan dapat menterjemah dengan baik. Begitu juga guru menterjemahkan ayat dengan kehendak kandungan yang dibaca. Terdapat juga perkataan yang mempunyai makna yang berbeza di dalam satu-satu ayat. Tidak semua perkataan mempunyai makna yang sama dengan kehendak ayat.

Proses pengajaran terjemahan dapat membantu pelajar dalam menguasai bahasa Arab. Di samping itu pelajar terdedah pada teknik dan kaedah menterjemah melalui subjek-subjek pengajian Islam. Ini dapat membantu mereka untuk mencapai penguasaan bahasa Arab dengan baik. Minat yang mendalam dalam bidang terjemahan juga membantu dalam menguasai bahasa. Orang-orang yang meminati sesuatu bidang akan mengetahui banyak istilah khusus dalam bidang itu walaupun mereka mungkin tidak mempunyai kelulusan yang amat tinggi (Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, 2008:62). Sikap dan usaha gigih yang tidak mengenal erti jemu juga dapat membantu penguasaan mereka terhadap bahasa Arab. Dalam masa yang sama tahap penguasaan terjemahan dapat dipertingkatkan.

Bagi menguasai terjemahan, pelajar hendaklah menguasai kosa kata dan pola imbuhan terlebih dahulu dengan memahami maknanya dan kaedah

pembinaan ayat. Perbincangan tentang penguasaan kosa kata dan binaan ayat telah dibincangkan oleh Rosni Samah (2009:53) dengan membawa beberapa contoh dan kejayaan. Mengikut pandangan beliau, kosa kata merupakan aset penting dalam mempelajari bahasa asing. Bahasa yang baik bergantung pada penguasaan kosa kata yang baik. Makna tidak akan dapat diungkap atau diterjemah melainkan melalui bahasa yang mengandungi kosa kata. Penguasaan bahasa asing terletak pada penguasaan kosa kata. Begitu juga percakapan dalam bahasa asing tidak akan dapat dicapai melainkan dengan adanya kosa kata yang mencukupi untuk menerangkan sesuatu situasi.

Penguasaan kosa kata akan dapat dicapai melalui pengumpulan perkataan yang terdapat dalam ayat. Semata-mata menghimpun perkataan tidak akan dapat membantu pelajar untuk bertutur dan menterjemah. Kosa kata hendaklah diambil daripada ayat yang menunjukkan makna penggunaannya dan kerap digunakan.

Terdapat beberapa pendekatan yang boleh digunakan bagi menggalakkan penguasaan kosa kata dan kemahiran menterjemahkannya. Antaranya, dengan memperbanyak soalan dan jawapan supaya pelajar boleh menggunakannya pada setiap masa, mengemukakan pelbagai situasi dialog dan cerita yang berkisar di sekitar kehidupan pelajar, mendedahkan situasi berhubung dengan kemasyarakatan dan situasi-situasi yang boleh membantu pelajar dalam penggunaan bahasa serta menterjemahkannya.

Dalam menguasai penguasaan kosa kata ini pelajar akan menghadapi beberapa masalah utama dalam pembelajaran mereka. Masalah tersebut adalah

sukar untuk mengingat perkataan dan maknanya serta menggunakannya ketika perlu. Masalah ini sebenarnya dapat diatasi dengan beberapa pendekatan seperti mengumpul perkataan yang mempunyai hubungan terus dengan situasi yang selalu digunakan oleh pelajar, memberi peluang kepada pelajar untuk sentiasa berlatih dalam menggunakan perkataan-perkataan yang dikuasainya dan sentiasa memberi dan mengingat perkataan yang dikuasainya secara berkala. Penguasaan kosa kata ini hendaklah disertakan dengan terjemahan yang tepat kepada kosa kata tersebut.

Pendekatan yang berkesan akan memudahkan pelajar menguasai kosa kata dan terjemahannya dengan memperbanyak bacaan dan memperluas bidang bacaan dengan cuba menterjemahkan dalam bentuk ayat dan teks. Dengan adanya bacaan berkala ini, pelajar sentiasa bertemu dengan perkataan baharu yang terdapat dalam teks bacaannya. Perkataan yang kerap ditemuinya akan dapat membantu mengingatnya dengan baik. Di samping itu, pelajar perlulah memperbanyak perbendaharaan kata bahasa Arab. Penguasaan perbendaharaan kata memainkan peranan penting dalam membentuk keupayaan pelajar menguasai bahasa sama ada penulisan atau terjemahan. Akhirnya, proses bacaan berkala ini akan dapat membantu pelajar mengumpul kosa kata dan menguasai terjemahan dengan baik.

Begitu juga pelajar hendaklah sentiasa mendengar sebutan ayat-ayat yang mudah dan senang difahami. Pendengaran juga akan dapat menambahkan kosa kata pelajar. Mendengar berita merupakan latihan yang baik bagi menambahkan kosa kata. Berita yang didengarnya itu mempunyai kosa kata yang hampir sama dengan yang digunakan. Pelajar akan dapat mengingat kosa kata yang kerap didengarinya dan dapat menguasai kosa kata yang baharu. Bagi menambahkan lagi

penguasaan kosa kata, pelajar hendaklah mendengar pelbagai bahan berbentuk audiovisual. Perkara ini boleh dicapai dengan mendengar dan menonton siaran Arab yang terdapat di ASTRO seperti siaran berita *al- Jazeerah* dan siaran ART (Arab Radio Television) juga boleh mendengar di radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (Wan Azura Wan Ahmad, 2006:29). Di samping itu pelajar hendaklah cuba menterjemah bahasa yang didengarinya.

Penggunaan kamus juga dapat membantu pelajar dalam menguasai kosa kata dan menterjemahkannya. Mereka boleh menggunakan pelbagai kamus bahasa seperti kamus Arab-Melayu, Arab-Arab dan juga Arab-Inggeris (Muhammad Fauzi Jumingan, 2003:264). Penggunaan kamus ini bergantung pada kemahiran pelajar. Dengan banyak menggunakan kamus, pelajar akan dapat menambahkan penguasaan kosa kata dan maknanya, khususnya apabila menggunakan kamus Arab-Melayu. Perkataan yang diperoleh atau kosa kata baharu hendaklah dicatat dan digunakan seharian bersama maknanya. Hal ini tidak bermaksud pelajar hendaklah menghafal kamus, tetapi menghafal perkataan yang sentiasa digunakan berserta maknanya (Rosni Samah, 2009:34).

2.4 Pendekatan Terjemahan dan Hafalan

Bagi mengatasi masalah penguasaan bahasa, pendekatan pengajaran hendaklah dimurnikan dan diterapkan dengan pendekatan terjemahan melalui penguasaan bahasa dalam pengajaran khususnya pengajaran subjek-subjek pengajian Islam. Pelajar akan dapat menguasai bahasa dengan baik sekiranya pengajaran setiap subjek menekankan elemen bahasa. Sebagai contoh, pelajar akan

dapat mengumpul kosa kata yang pelbagai melalui subjek-subjek yang dipelajarinya. Begitu juga pelajar dapat menguasai ayat dalam pelbagai laras melalui subjek-subjek tersebut. Dengan adanya pelbagai kosa kata dan bentuk ayat, pelajar mampu menguasai bahasa Arab dengan baik dan mampu memahami pelajaran tanpa bergantung kepada guru.

Pendekatan bahasa ini boleh diumpamakan sebagai pendekatan terjemahan dan qawa'id. Dimaksudkan dengan pendekatan terjemahan ini ialah menterjemah perkataan-perkataan tertentu sahaja yang jarang berulang. Perkataan yang sentiasa berulang hanya akan diterjemah pada peringkat pertama atau kedua sahaja. Kemudian guru hendaklah meminta pelajar mencari maknanya dengan sendiri. Dimaksudkan dengan pendekatan qawa'id di sini ialah pendekatan memberi kaedah melalui susunan bahasa yang tepat khususnya melalui bacaan. Pelajar diperkenalkan dengan ayat yang betul dan juga terjemahannya yang tepat. Dengan adanya dua gabungan ini pelajar akan dapat menguasai bahasa dengan baik dan berkesan.

Pelajar pula dikehendaki menghafal perkataan baharu dengan maknanya serta bentuk kegunaannya. Begitu juga ayat-ayat tertentu hendaklah dihafal oleh pelajar. Ibnu Kaldun (t.t) pernah menyebut dalam kitabnya "Al Muqqadimah" bahawa penguasaan terhadap kefasihan berbahasa Arab diperoleh melalui hafazan (hafalan) kalam Arab. Hafalan ini bertujuan untuk memberi penguasaan bahasa kepada pelajar. Dengan adanya penguasaan bahasa ini pelajar mampu menggunakannya dengan baik. Begitu juga pelajar diminta untuk menterjemahkan perkataan pilihan dalam teks atau ayat-ayat pilihan. Dengan adanya percubaan

seperti ini, diharap tahap penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar akan dapat ditingkatkan.

Bagi membantu pelajar menterjemahkan perkataan atau ayat pilihan, penggunaan kamus hendaklah diberi perhatian. Pelajar perlulah memiliki kamus. Pelbagai kamus boleh digunakan oleh pelajar. Setiap kamus mempunyai kelebihan tersendiri. Guru hendaklah menggalakkan pelajar menggunakan kamus bagi mencari perkataan yang baru ditemui. Kaedah penggunaan kamus perlulah didedahkan. Dengan adanya usaha ini, pelajar dapat belajar cara mendapatkan perkataan dan maknanya. Yang lebih penting ialah cara menyesuaikan makna perkataan yang terdapat dalam kamus dengan makna ayat yang dibaca.

Pendekatan terjemahan dan hafalan ini penting dalam penguasaan bahasa. Contoh yang jelas dapat kita lihat melalui kanak-kanak yang baru hendak bercakap. Pada peringkat permulaan, mereka bertanyakan makna perkataan kemudian mengajuk kegunaannya. Selepas itu mereka cuba menggunakannya dalam situasi tertentu. Dengan adanya usaha berterusan seperti ini, akhirnya mereka dapat bercakap dan bertutur dengan baik. Menurut Ismail Jaafar (Jurnal Dewan Bahasa, Januari 1995) “apabila kita memperkatakan pendedahan bahasa kita perlu memperkatakan pendedahan terhadap persekitaran bahasa dan latihan kerana kedua-dua berkait rapat dengan pendedahan. Melalui pendedahan inilah kanak-kanak akan mendapat pengalaman yang sebanyak mungkin untuk terus menguasai bahasa ”. Pendekatan yang sama boleh diterap dan digunakan kepada pelajar yang belajar bahasa asing. Peringkat pertama ialah mengenali makna perkataan dan ayat. Kemudian mengajuknya atau cuba menggunakannya. Dengan

adanya komitmen seperti ini, pelajar akan dapat menguasai bahasa yang dipelajarinya dengan baik.

Dalam proses pengajaran, guru hendaklah memberi penekanan kepada sudut pemerolehan perkataan dan makna. Kemudian pada sudut kehendak ayat dan makna serta kegunaannya. Pelajar hendaklah menghafal perkataan dan ayat tersebut dan cuba menggunakannya. Kelebihan kaedah hafalan juga dilihat sebagai salah satu cara yang efektif dalam pembelajaran oleh bangsa Yahudi. Oleh yang demikian, bangsa Yahudi mewajibkan kanak-kanak mereka menghafaz kitab Taurat semenjak dari peringkat sekolah rendah lagi (Wan Azura Wan Ahmad dan rakan, 2006:88). Demikian juga apabila setiap hari pelajar memperoleh perkataan dan ayat yang baharu di samping perkataan dan ayat yang sedia ada sudah tentu penguasaan bahasa dapat dipertingkatkan. Saban hari, pelajar dapat menambahkan penguasaan bahasa dengan penambahan perkataan dan ayat. Begitu juga pelajar dapat menguasai perkataan dan ayat dalam pelbagai laras bahasa.

Pendekatan ini lebih memberangsangkan lagi sekiranya guru dapat bertutur dan bercakap Arab dalam setiap subjek. Percakapan ini walaupun di peringkat awal menyulitkan pelajar, tetapi apabila menjadi satu kebiasaan mereka akan memahami dan dapat menggunakannya. Pada peringkat permulaan, guru boleh menggunakan bahasa Arab yang mudah dalam kelas dengan menterjemah atau menerangkan beberapa perkataan yang tidak difahami oleh pelajar. Dengan adanya pendekatan ini pelajar akan beransur-ansur memahami bahasa yang dituturnya. Kemudian guru boleh menambah penggunaan bahasa Arab dalam kelas dari sederhana sukar kemudian sukar dan seterusnya kepada menggunakan bahasa

Arab sepenuhnya. Berdasarkan sasaran Kementerian Pelajaran Malaysia, pelajar tingkatan tiga boleh memahami pertuturan seharian sekiranya dimulai dari tingkatan satu. Pelajar mampu menguasai dua ribu seratus patah perkataan apabila berada di tingkatan tiga. Apabila pelajar berada di tingkatan empat mereka mampu melakukan aktiviti bahasa Arab secara bersendirian. Lantaran itu apabila seseorang pelajar berada di tingkatan lima, mereka mampu menguasai tiga ribu patah perkataan. Dengan ini pelajar mampu menguasai bahasa Arab dengan baik seterusnya berupaya menterjemah perkataan-perkataan Arab. Guru hanya memainkan peranan sebagai fasilitator sahaja. Dengan adanya pendekatan ini pelajar dapat menguasai bahasa Arab dengan baik seterusnya mampu menguasai kemahiran terjemahan.

Sayugia diingatkan pelajar hendaklah mencatat setiap perkataan baharu yang ditemuinya berserta makna dan penggunaan ayat. Mereka hendaklah menghafal setiap perkataan yang didapatinya dan cuba menggayakan. Bagi menambah perbendaharaan kata (perkataan dan ayat) mereka hendaklah banyak membaca pelbagai bahan bacaan dan cuba menterjemahkan dengan betul melalui penggunaan kamus. Sekiranya tidak didapati makna yang sesuai atau maknanya tidak sesuai dengan kehendak ayat, ketika itu pelajar hendaklah merujuk kepada guru. Walau bagaimanapun pelajar hendaklah membaca subjek terlebih dahulu sebelum memulakan kelas dan menterjemahkan perkataan tertentu serta ayat bagi mencari isi penting. Di dalam kelas pelajar hanya berbincang dengan guru dan juga kawan-kawan. Pendekatan ini membolehkan pelajar menguasai bahasa dengan baik dan seterusnya menguasai terjemahan.

Subjek-subjek pengajian Islam banyak membantu dalam penguasaan pelajar. Hal ini disebabkan bidang pengajian Islam mempunyai pelbagai subjek dengan pelbagai laras bahasa. Subjek yang lebih dekat dengan kehidupan pelajar ialah subjek sirah atau sejarah hidup Rasulullah s.a.w. Bahasa yang digunakan dalam subjek tersebut mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan pelajar. Ayat-ayatnya boleh digunakan dalam perbualan seharian. Pendekatan di atas juga dapat membantu pelajar dalam penguasaan bahasa yang baik.

Begitu juga subjek-subjek lain seperti fekah, tauhid, tafsir, hadith dan sebagainya. Pendekatan guru hendaklah menjurus kepada penguasaan bahasa. Pelajar boleh mengambil manfaat daripada penggunaan perkataan dan ayat yang ada dalam subjek-subjek pengajian Islam. Subjek-subjek tersebut mempunyai banyak perkataan dan ayat dalam bidangnya dan juga bidang lain. Perkataan dan ayat-ayat tersebut hendaklah dikumpul oleh pelajar. Dengan adanya penguasaan bahasa yang baik, pelajar mampu memahami subjek-subjek tersebut.

2.5 Terjemahan dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah-sekolah Pondok.

Dalam proses pembelajaran bahasa Arab khususnya di sekolah-sekolah pondok didapati kaedah terjemahan ini masih lagi diamalkan. Begitu juga kaedah nahu diutamakan. Pelajar perlu mempelajari nahu dan sarf terlebih dahulu sebelum mempelajari subjek-subjek pengajian Islam di dalam bahasa Arab. Mereka diminta untuk mempelajari kedua-dua bidang ilmu tersebut bermula dari peringkat awal serta menghafal *matannya*. Pelajar mampu menghafal *matan* tersebut walaupun mereka tidak memahaminya.

Dalam mempelajari subjek tersebut, guru akan menterjemahkan perkataan dan ayat-ayat yang terdapat dalam subjek yang diajari sejak permulaan kitab sehinggalah ke akhirnya. Pelajar pula menulis makna terjemahan perkataan-perkataan Arab tersebut. Sesudah tamat mempelajari kitab tersebut, pelajar mampu membacanya disebabkan perkataan terjemahan yang terdapat padanya.

Begitu juga pelajar tersebut mampu untuk mengajar pelajar lain melalui buku yang telah dicatatkan terjemahannya. Sesudah tamat mempelajari kitab tersebut, pelajar mampu membacanya sendiri. Subjek-subjek yang diajar dibahagikan kepada subjek bahasa Arab dan pengajian Islam. Subjek bahasa Arab terdiri daripada nahu dan sarf di samping subjek balaghah juga diajar pada peringkat tinggi. Subjek untuk kemahiran berbahasa tidak digunakan. Subjek pengajian Islam pula terdiri daripada subjek-subjek utama seperti fekah, tauhid, tafsir, hadith, tasawuf dan sirah. Subjek-subjek tersebut menggunakan buku rujukan dalam bahasa Arab yang dibawa terus dari negara Arab atau dicetak di negara ini (Rosni Samah, 2009:33).

Sukatan pelajaran di pusat-pusat pengajian pondok berpandukan kitab-kitab *turath* yang telah dikarang oleh ulama-ulama terkemuka. Sukatan ini ditetapkan mengikut tahap dan kemampuan pelajar. Berdasarkan pada sistem pondok, pelajar mempelajari kitab *turath* dari kulit hingga ke kulit. Kaedah membaca kitab bermula dari awal hingga akhir bagi setiap mata pelajaran di mana setiap pelajar diwajibkan menghafal *matan* serta memperdengarkan bacaan kepada guru masing-masing (Hasliza Hassan, Oktober 2008). Tahap tersebut boleh dibahagikan kepada tiga tahap utama. Pertama, tahap permulaan yang

menggunakan kitab-kitab rujukan di peringkat permulaan yang terdiri daripada kitab-kitab matan atau pendahuluan kepada ilmu-ilmu tersebut. Peringkat kedua merupakan tahap sederhana yang merupakan syarah atau penerangan bagi tahap pertama. Kitab-kitab yang digunakan pada peringkat ini merupakan penerangan yang sederhana. Pelajar yang menghabiskan atau menamatkan kitab-kitab di tahap pertama mampu meneruskan pengajian di peringkat ini. Ketiga ialah tahap tinggi yang merupakan penerangan yang lebih terperinci kepada peringkat kedua. Kitab-kitab yang digunakan merupakan kitab-kitab tahap tinggi. Ini merupakan syarah atau penjelasan yang mendalam bagi tahap kedua. Pelajar yang menamatkan kebanyakan kitab di tahap dua mampu untuk meneruskan tahap ini. Mereka juga mampu memahami kitab-kitab tersebut melalui terjemahan yang disampaikan oleh guru.

Pendekatan terjemahan yang digunakan dalam proses pembelajaran kitab-kitab di atas berjaya mencapai objektifnya dengan muncul pelajar-pelajar yang mampu membaca kitab-kitab tersebut dan mengajarnya melalui terjemahan yang terdapat dalam kitab mereka. Mereka mampu berinteraksi dengan kitab-kitab tersebut. Begitu juga mereka mampu membaca teks kitab yang dipelajarinya dengan baik melalui bacaan baris yang betul, terjemahan yang tepat dan memahami makna yang dikehendaki dengan baik.

Dari sudut bahasa, mereka mampu menganalisis teks secara terperinci bagi setiap susunan ayat. Mereka mampu mengubah susunan ayat dan membentuknya semula. Dari sudut e'rab pula mereka mampu menguasai bidang ini. Kebolehan ini

kadang kala dapat mengatasi pelajar-pelajar yang kembali dari negara-negara Timur Tengah (Rosni Samah, 2009:45).

Kaedah terjemahan dan nahu ini berjaya mencapai objektifnya dengan pendekatan yang berkesan. Guru memainkan peranan penting dalam menerang dan menghuraikan subjek. Guru menghuraikan pelajarannya dari sudut bahasa terlebih dahulu dengan membaca bacaan dengan betul. Kemudian menterjemahkan dengan baik. Seterusnya menganalisis beberapa ayat yang perlu. Selepas itu barulah menerangkan subjek yang diajar. Perkara tersebut diterapkan dalam semua subjek yang diajar. Sudut bahasa merupakan sudut utama dalam pembelajaran. Guru juga akan melontarkan persoalan tentang bahasa supaya dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mencuba.

Huraian bahasa ini tidaklah hanya di awal pembelajaran, tetapi diterapkan dari awal sehinggalah tamat kitab tersebut. Pelajar akan dilatih selok belok menganalisis teks dalam semua subjek. Begitu juga mereka diajar cara-cara menterjemah perkataan dengan baik dan tepat. Setiap perkataan mempunyai makna tersendiri seperti perkataan kata nama dan kata kerja. Setiap perkataan diterjemahkan dengan fungsi masing-masing. Dengan adanya pendekatan ini, pelajar akan dapat memahaminya dengan baik dan sempurna.

Begitu juga pelajar yang mengikuti pengajian tersebut, mereka mempunyai minat yang mendalam untuk belajar. Mereka menghafal kaedah-kaedah yang dipelajari di samping itu setiap subjek diberi perhatian dan penumpuan dengan baik. Mereka sendiri akan cuba untuk membaca dan memahaminya. Seterusnya

menterjemah perkataan dan ayat dalam teks. Pada masa lapang mereka mengulang kaji pelajaran yang dipelajari dan mengulangi dengan hafalan.

Sikap positif pelajar inilah banyak membantu dalam proses pembelajaran bahasa Arab di pusat pengajian seperti ini. Gabungan antara pendekatan terjemahan dengan sikap positif pelajar berupaya mencapai matlamat pengajian dengan baik. Sikap pelajar sebeginilah perlu bagi menjamin penguasaan bahasa dan terjemahan. Tanpa sikap positif, segala proses pengajaran tidak akan berjaya.

2.6 Terjemahan dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Agama Rakyat

Sekolah Agama Rakyat (SAR) juga turut menerima kesan yang sama dalam pengajaran bahasa Arab. Terjemahan menjadi pendekatan utama dalam menguasai bahasa Arab. Subjek pengajian Islam dan subjek bahasa Arab menjadi bahan untuk diterjemahkan. Objektif pengajian di sekolah ini berbeza dengan matlamat di sekolah-sekolah pondok. Di peringkat sekolah ini matlamatnya lebih memfokus kepada penguasaan kemahiran bahasa Arab melalui kemahiran menulis, membaca, bertutur dan mendengar.

Terjemahan di sekolah ini lebih kepada penerangan isi kandungan atau ayat. Guru membaca dan menterjemahkan kandungan ayat. Terjemahan di sekolah ini boleh dikatakan terjemahan bebas kepada kandungan ayat atau teks. Bagi guru yang menggunakan proses terjemahan ini, mereka berpendapat bahawa pelajar tidak mempunyai kebolehan sendiri untuk membaca dan memahami. Pelajar hanya mampu mengambil isi-isi penting sahaja melalui terjemahan bebas seperti ini.

Oleh sebab itu mereka kurang berkemampuan menguasai bahasa Arab dengan baik (Rosni Samah, 2009:18)

Terjemahan bebas kurang membantu dan melatih pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan baik. Hal ini disebabkan, mereka tidak dapat mengetahui perkataan dan maknanya dengan tepat. Mereka hanya dapat mengandaikan makna dan kandungan ayat. Mereka mampu untuk lulus dalam peperiksaan dengan menghafal ayat-ayat penting walaupun tidak memahami makna keseluruhannya.

Situasi yang sama berlaku apabila mereka memasuki dan menempuh alam pengajian di universiti. Penerangan dan juga terjemahan diperlukan. Hal inilah yang membimbangkan proses pengajaran bahasa Arab.

Secara umumnya, tahap penguasaan mata pelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah agama adalah jauh daripada sasaran yang telah ditetapkan oleh JAPIM dan KPM. Keadaan ini menyebabkan para pelajar menjadi pasif dan menerima apa saja maklumat yang diberikan oleh guru. Para pelajar didapati masih belum menguasai bahasa Arab pada tahap yang membolehkan mereka memahami teks Arab melalui proses terjemahan secara spontan dan natural terhadap teks Arab yang mereka pelajari (Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2003:363). Sepatutnya perkara ini tidak timbul dalam kalangan mereka, sedangkan perkara tersebut telah pun dipelajari di peringkat sekolah lagi.

Pendekatan terjemahan di sekolah perlu dimurnikan dengan pendekatan terkini dalam pengajaran bahasa Arab. Begitu juga kandungan terjemahan hendaklah disesuaikan dengan pendekatan pengajaran bahasa Arab. Subjek-subjek

bahasa Arab dan pengajian Islam yang diperkenalkan di peringkat sekolah hendaklah menjurus dalam pelbagai laras bahasa. Dengan ini mereka akan dapat menguasai bahasa Arab dengan baik melalui subjek-subjek tersebut. Penguasaan bahasa Arab akan berhasil sekiranya pendekatan pengajaran dapat disesuaikan dan diberi perhatian terhadap penguasaan bahasa dan terjemahan.

Sikap pelajar memainkan peranan penting dalam penguasaan bahasa dan terjemahan. Sepatutnya mereka hendaklah membaca terlebih dahulu sesuatu subjek yang akan dipelajari kemudian berbincang di dalam kelas. Melalui cara ini mereka boleh mencari makna dan cuba memahami sendiri subjek tersebut. Semasa perbincangan di dalam kelas, guru hanya sebagai fasilitator dalam membantu membetulkan kefahaman yang kurang jelas daripada pelajar. Lantaran itu pelajar hendaklah dilatih membaca sendiri supaya mereka dapat memahami dan menguasai bahasa Arab dengan baik. Kurang perbincangan di dalam kelas di antara pelajar dengan pelajar dan di antara pelajar dengan guru menyumbang ke arah ini. Sikap kurang berinteraksi dalam bahasa Arab serta sikap guru yang kurang memberi perhatian dari aspek bacaan dan terjemahan juga menyumbang ke arah ini (Mohd Bakhir bin Abdullah, 2009:109).

Kurang penggunaan kamus dalam kalangan pelajar juga antara penyebab mereka tidak mampu untuk memahami makna perkataan. Penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu ditekankan seperti kaedah penggunaannya dan cara memanfaatkannya sama ada kamus yang berasaskan dari bahasa Arab kepada bahasa Melayu atau sebaliknya (Abdullah Hassan, 2003:360).

Proses pengajaran yang tidak aktif ini menyumbang kepada masalah penguasaan bahasa dan terjemahan Arab.

2.7 Pendekatan Terjemahan di Sekolah Menengah Kebangsaan

Di sekolah ini objektif pengajaran dan pembelajarannya lebih memfokus kepada penguasaan kemahiran bahasa Arab melalui kemahiran menulis, membaca, bertutur dan mendengar. Di samping itu, terjemahan juga digunakan dalam proses pengajarannya. Guru menterjemahkan perkataan dan ayat-ayat yang terdapat dalam buku teks, kemudian menjawab semua soalan latihan. Pelajar hanya mencatatkan terjemahan dan jawapan yang diberikan oleh guru. Pendekatan terjemahan seperti ini tidak banyak membantu pelajar dalam penguasaan bahasa Arab. Pelajar tidak didedahkan dengan kegunaan bahasa Arab seharian walaupun dalam situasi yang mudah. Hasil daripada proses ini, pelajar jarang berpeluang mendengar penggunaan ungkapan bahasa Arab. Berdasarkan daripada fenomena inilah, pelajar tidak mampu menguasai kemahiran bahasa Arab (Sofian Sauri Hussein dan rakan, 2008:5).

Pendedahan pelajar kepada penggunaan kamus adalah penting dalam penguasaan sesuatu bahasa. Penggunaan kamus juga dapat membantu pelajar dalam menguasai kosa kata dan menterjemahkannya. Mereka boleh menggunakan pelbagai kamus bahasa seperti kamus Arab-Melayu, Arab-Arab dan juga Arab-Inggeris (Muhammad Fauzi Jumingan, 2003:264). Dengan adanya aktiviti seperti ini penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar akan dapat dipertingkatkan.

2.8 Isu –Isu Terjemahan

Pendekatan terjemahan melalui ICT boleh digunakan dalam pengajaran bahasa Arab. Ini bermaksud pengajaran dijalankan dengan menggunakan internet. Pelajar diberi kebebasan untuk melayari laman sesawang berbahasa Arab untuk dijadikan bahan bacaan. Antara laman sesawang yang boleh dilayari seperti www.daralhayat.com, www.arabtimes.com, www.addustour.com, www.bernama.com/arabic/ dan lain-lain lagi (Wan Azura Wan Ahmad, 2006:120). Mereka boleh memilih satu petikan dan cuba mencari makna perkataan yang dalam petikan dan memahami keseluruhan petikan. Proses pengajaran seperti ini dijalankan sendiri dengan bantuan kamus atau terjemahan terus melalui google terjemahan. Pelajar hendaklah mendapatkan perkataan yang tidak difahaminya dan memasukkan dalam terjemahan google berbahasa Inggeris. Hasilnya mereka akan dapat makna yang dicari. Dengan adanya usaha ini akhirnya mereka akan dapat membaca petikan sehingga akhirnya dan dapat memahami makna dan maksud keseluruhannya.

Kaedah terjemahan yang digunakan oleh guru-guru di sekolah-sekolah pondok berkesan dalam proses pembelajaran bahasa Arab pada ketika itu. Hal ini disebabkan, pendekatan yang betul dan sikap positif pelajar untuk belajar. Pendekatan yang betul ialah guru menterjemahkan perkataan dengan tepat mengikut kehendak kaedah bahasa bagi setiap pola. Begitu juga bacaan guru betul dan tepat mengikut kaedah bahasa. Ketepatan inilah yang dapat diwarisi oleh pelajar dalam menguasai bahasa. Sikap pelajar yang menghafal setiap perkataan dan ayat yang diperolehnya serta meniru bacaan yang betul dapat membantu

mereka dalam menguasai bahasa dengan baik. (Mohd Bakhir bin Abdullah, 2009:99).

Pendekatan terjemahan di sekolah agama pula pada umumnya kurang membantu pelajar dalam menguasai bahasa Arab. Keadaan ini menjadi lebih dominan dengan sikap negatif pelajar yang tidak memberi perhatian dalam menguasai bahasa Arab. Ini disebabkan kurangnya minat mereka terhadap bahasa Arab yang menjadi salah satu mata pelajaran wajib bagi mereka. Para pelajar didapati lebih berminat menggunakan kaedah menghafal berbanding memahami apa yang dipelajari kerana matlamat utama mereka ialah peperiksaan dan bukannya menguasai bahasa tersebut (Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2003:369). Terjemahan bebas dengan tidak mengikut kaedah tata bahasa dan ayat tidak dapat memberi input yang positif kepada pelajar. Ini ditambah lagi dengan bacaan baris yang tidak tepat dan terjemahan perkataan tidak mengikut kehendak kaedah sebenar. Pelajar tidak mampu menguasai terjemahan dengan pendekatan terjemahan bebas ini. Mereka tidak mampu untuk menguasai, memahaminya dan menggunakan bahasa untuk bacaan selanjutnya.

Begitu juga terjemahan bebas dalam pengajaran Bahasa Arab Komunikasi memberi input negatif kepada penguasaan pelajar. Mereka tidak dapat menguasai kosa kata dan ayat yang mencukupi bagi mengayakan bahasanya. Bagi menggunakan ayat-ayat tersebut mereka tidak mampu memperkembangkan bahasa yang diperolehnya. Pendekatan pengajaran bahasa Arab melalui pendekatan terjemahan hendaklah diberi perhatian. Kemampuan terjemahan yang baik menunjukkan pelajar mampu menguasai kemahiran berbahasa dengan baik.

2.9 Sorotan Kajian Lampau

Terdapat beberapa kajian berkaitan tentang terjemahan untuk tujuan pendidikan, antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Abdul Hadi bin Abdullah (1998) bertajuk “Kajian Makna dalam Terjemahan” disertasi master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Penulis membincangkan sejarah penterjemahan dari zaman permulaan dan teori penterjemahan. Penulis juga cuba mengupas dasar pengkajian makna mengikut dua perspektif iaitu linguistik semantik dan perspektif bukan linguistik (pragmatik). Seterusnya penulis juga memberi penekanan kepada gandingan antara dua ilmu tersebut untuk direalisasikan dalam terjemahan dan ini bertujuan untuk menghasilkan terjemahan yang bermutu. Penulis juga tidak ketinggalan mengemukakan contoh-contoh terjemahan dalam bahasa Inggeris dan Arab yang sepatutnya diaplikasikan dalam proses perterjemahan.

Sementara Wan Anizah binti Wan Mahmud (1998) dalam disertasinya “Kaedah Terjemahan Sari Kata Dokumentari dan Komedi di Televisyen: Satu Kajian Perbandingan” disertasi master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, mengupas kaedah terjemahan sari kata dengan membandingkan dua bentuk genre rancangan televisyen, iaitu rancangan dokumentari teori dan komedi semasa. Selain itu kajian ini turut mengkaji teori proses penterjemahan sari kata, iaitu membandingkan kerangka teori penterjemahan dan interpretasi.

Dalam kedua-dua disertasi ini penulis hanya mengemukakan teori yang berkait dengan terjemahan secara keseluruhan. Penulis tidak menyentuh langsung

penterjemahan dari aspek perkataan berimbuhan. Terdapat juga beberapa sarjana lain seperti Asmah Omar dalam bukunya “Aspek Terjemahan dan Interpretasi” (1979) membincangkan kumpulan kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar penterjemahan dan intepretasi dalam konteks ilmu pengetahuan dan hubungan antarabangsa. Antara perbincangan yang diketengahkan ialah masalah terjemahan dan interpretasi dari pelbagai sudut dan pandangan, sudut teori dan praktiknya, sudut pelaksanaan terjemahan itu sendiri juga dari hal-hal yang berhubung dengan kehidupan ilmu dan praktik penterjemahan dan intepretasi itu sendiri. Di samping itu juga, beliau membincangkan toeri dalam rangka terjemahan bahasa-bahasa yang tidak kena mengena dengan budaya Melayu, hubungan terjemahan dan interpretasi antara bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris bagi terjemahan jurubahasa di negara ini.

Ainon Mohd (1985) dalam bukunya “Panduan Penterjemahan” dan beberapa artikel seperti “Teori Terjemahan Satu Pengenalan Ringkas” Jurnal Dewan Bahasa, (Mei 1978), “Penerapan Teori Makna dan Terjemahan” Jurnal Dewan Sastera (November 1981), “Kaedah Menterjemah dan Mengalih Istilah Inggeris ke Bahasa Melayu, Jurnal Dewan Bahasa (November 1982), Bahasa Sebagai Alat Komunikasi dalam Teori Terjemahan. Jurnal Dewan Bahasa (Julai 1982), “Teori Terjemahan: Satu Pengenalan Ringkas, Jurnal Dewan Sastera (Mei 1978) tidak menyentuh tentang aspek terjemahan perkataan berimbuhan, sebaliknya menyatakan secara prinsipnya terjemahan bukanlah sekilas kejayaan penterjemah memindahkan kandungan sesuatu bahan itu dengan makna yang betul dari segi penggunaan kamus dan tatabahasa, yang penting kejayaan bidang ini

ialah daya despresi karya terjemahan tersebut yang dapat memindahkan isi dan bentuk karya asal.

Antara kajian lain dalam bidang ini, ialah beberapa kajian yang dijalankan oleh Muhammad Bukhari Lubis “Penterjemahan Arab - Melayu, Peraturan dan Dasar”, Serdang. Universiti Putra Malaysia (1998), Ahmad Mukhtar ‘Ilm al-tarjamat al-nazariy, Dimasyq (1982), Abdullah Hassan “Terjemahan dalam Bidang Pendidikan” - Himpunan Kertas Kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa (2003) dan lain-lain lagi. Secara keseluruhannya, penulis hanya menyentuh secara umum tentang peranan, teori, kaedah, prinsip terjemahan, teknik terjemahan, analisis kesalahan terjemahan dan ketepatan terjemahan dan sebaliknya tidak menyentuh langsung tentang tajuk perbincangan ini iaitu terjemahan perkataan berimbuan.

Khurshid Ibra:him (1985:43) membincangkan beberapa aspek yang perlu diberi perhatian dalam menjayakan sesuatu terjemahan, penterjemah hendaklah memiliki beberapa kemahiran asas. Terjemahan tidaklah semata-mata memindah makna perkataan dari satu bahasa ke dalam bahasa yang lain. Ia semestinya mengambil kira aspek-aspek yang lain seperti budaya, gaya bahasa, frasa, makna dan estetika.

Majdi Ibra:him (2003 dalam disertasi P.hD., Fakulti Pengajian Islam Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia turut membincangkan gaya terjemahan dengan penekanan kepada isu-isu praktis terjemahan yang berkaitan dengan komunikasi dan sastera di antara bahasa Melayu dan Arab. Abdul Rahman Chik

(2003:333) dalam kertas kerjanya yang bertajuk “Pengalaman dalam Terjemahan Melayu-Arab” mendedahkan pengalaman beliau mengajar subjek terjemahan di Universiti Brunei Darussalam dan mengemukakan pandangan bahawa penterjemah dan pengajar kursus terjemahan harus mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Mengetahui bahasa sumber dengan baik
- ii. Menguasai bahasa penerima dengan baik
- iii. Memahami bahan yang diterjemah dengan baik
- iv. Mengetahui teori dan amalan terjemahan
- v. Mengetahui perbezaan budaya antara bahasa asal dan bahasa kedua.
- vi. Mampu melahirkan penulisan yang baik.
- vii. Jujur dalam memindahkan isi teks asal.
- viii. Mampu mencipta semula kesan keseluruhan teks asal.
- ix. Sabar dalam kerja, kerana terjemahan memerlukan latihan berterusan, masa yang lama, di samping menyelidik dan merujuk kamus.

Seterusnya beliau membincangkan terjemahan peribahasa, cerita, sari kata, sajak dan mengkritik terjemahan.

Kajian yang dijalankan oleh Azhar Muhammad dan rakan (2003) dalam kertas kerja bertajuk “Masalah Penterjemahan Melayu-Arab di Kalangan Pelajar Melayu” mengemukakan permasalahan dan tahap kemahiran pelajar dalam menterjemah bahan dan juga teks dari bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab. Antara dapatan yang dikemukakan ialah pelajar kurang memiliki kosa kata bahasa Arab yang mencukupi dan istilah terkini, struktur ayat yang berbeza antara dua

bahasa, terlalu bimbangkan kesalahan nahu Arab, tidak mahir dalam penggunaan kamus Arab dan pembentukan struktur ayat atau gaya bahasa Arab yang agak sukar.

Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2003) dalam artikelnya yang bertajuk “Keupayaan Menterjemah Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama” mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi meningkatkan keupayaan pelajar menterjemah. Beliau turut melihat sejauh manakah tahap pencapaian pelajar menepati sasaran yang telah ditetapkan oleh JAPIM dan KPM. Turut menjadi objektif kajian mengenal pasti kesesuaian bahasa yang digunakan di dalam teks dan keupayaan menterjemah memberikan kesan terhadap penguasaan bahasa Arab.

Muhammad Fauzi Jumingan (1999) dalam artikelnya bertajuk “Penanda Wacana dalam Terjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Ketenenan Teks” bertujuan melihat ketenenan (kohesi) dan keteraturan fikiran (koheren) dalam bidang penterjemahan Arab-Melayu, mengenal pasti penggunaan penanda wacana yang menjadi ciri ketenenan sesuatu teks dan wacana serta mencari pendekatan yang sesuai dan sejajar bagi penanda wacana yang agak sukar diterjemahkan berdasarkan stilistik nahu Melayu.

Ashwaq Mohamad Salleh Kenali dalam disertasi masternya bertajuk “Penguasaan Kemahiran Terjemahan dalam Kalangan Pelajar Bahasa Arab Peringkat Universiti di Malaysia (2009)”. Beliau membincangkan secara terperinci berkaitan uslub terjemahan dan masalah pembelajaran bahasa Arab, pembelajaran

bahasa Arab sebagai bahasa kedua, strategi terjemahan bagi memantapkan penguasaan bahasa Arab, pelaksanaan pengajaran uslub terjemahan dan cadangan menyelesaikan masalah pengajaran terjemahan bahasa Arab. Beliau sekadar membincangkan tentang uslub terjemahan bahasa Arab tetapi tidak menyentuh tentang terjemahan perkataan Arab berimbuhan.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, secara keseluruhannya kajian terdahulu tidak menyentuh secara langsung, sebaliknya lebih menumpukan terjemahan secara umum. Kajian ini akan memfokuskan secara terperinci terhadap penguasaan kemahiran terjemahan perkataan Arab berimbuhan dalam kalangan pelajar IPTA, yang terbentuk dari pola tiga huruf sama ada imbuhan awalan, sisipan dan apitan. Juga kajian ini mengetengahkan terhadap pola - pola terbitan yang lahir dari perkataan berimbuhan tersebut.

Kajian ini juga mengetengahkan maksud setiap pola yang terbentuk dan seterusnya untuk mengenal pasti tahap penguasaan pelajar dalam menterjemah perkataan berimbuhan seterusnya untuk mempertingkatkan kemahiran penguasaan terjemahan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA.

2.10 Kemahiran Terjemahan Kosa Kata

Menterjemah kosa kata tidaklah memadai hanya menggunakan kamus sahaja. Sebaliknya penterjemah hendaklah mengetahui bahasa yang hendak

diterjemahkan itu dengan baik serta budaya dan adat resam (Viney J.-P, 1989:62). Begitu juga penterjemah hendaklah mengetahui bidang yang hendak diterjemahkan. Ini bermaksud terjemahan bukanlah semata-mata memindah makna perkataan dari satu bahasa kepada bahasa sasaran. Ia lebih kepada proses penerangan, penjelasan dan penafsiran dari satu bahasa kepada bahasa yang lain (al-Khuri. 1988:16).

Dalam membincang kelayakan menterjemah, Ainon Muhamad (2008:40) mengemukakan empat syarat utama untuk dimiliki oleh penterjemah seperti berikut:

i. Mengetahui Bahasa Sumber

Dimaksudkan dengan bahasa sumber ialah bahasa asal yang hendak diterjemahkan ke dalam bahasa kedua. Penterjemah hendaklah mengetahui bahasa sumber dengan mendalam serta budaya dan adat kehidupan. Beliau hendaklah mengetahui bahasa tersebut dengan pelbagai ilmu bahasanya bagi membolehkan beliau mengetahui ciri-ciri keistimewaan dan keganjilan bahasa tersebut. Ini bagi membolehkan beliau membezakan makna yang terkandung dalam teks asal dan dapat mentafsirkan maksudnya dengan tepat.

ii. Mengetahui bahasa penerima

Dimaksudkan dengan bahasa penerima ialah bahasa yang hendak diterjemahkan teks tersebut atau dinamakan juga sebagai bahasa kedua.

Penterjemah hendaklah mengetahui dengan baik bahasa penerima ini supaya beliau dapat mengayakan makna yang diterjemahkan itu dengan baik dan menyampaikan makna yang diterjemahkan itu dengan gaya bahasa yang betul serta rahsia keistimewaannya. Penterjemah hendaklah menguasai bahasa penerima dengan lebih baik daripada bahasa sumber atau sekurang-kurangnya menguasai kedua-duanya dengan baik.

iii. Pengetahuan dalam bidang yang hendak diterjemahkan

Semata-mata mengetahui bahasa tidak memadai untuk menterjemah dengan tepat. Penterjemah hendaklah mengetahui bidang yang hendak diterjemahkan itu supaya makna atau maklumat yang terkandung dalam teks asal dapat diterjemah dan dipindahkan ke dalam bahasa penerima dengan baik dan tepat.

iv. Mengetahui teori dan amalan terjemahan

Bidang terjemahan seperti bidang-bidang ilmu yang lain. Ia berkembang dan melahirkan teori dan kaedah ilmiah tersendiri. Bagi menjayakan terjemahan yang baik, penterjemah hendaklah menguasai teori dan kaedah terjemahan di samping melakukan kerja terjemahan.

2.11 Terjemahan Kosa Kata Dalam Ayat

Terjemahan perkataan atau terjemahan maksud perkataan ialah terjemahan makna asas bagi perkataan teks asal dan menukar perkataan dengan perkataan lain

walaupun dalam bentuk gaya yang berbeza. Penterjemah terikat dengan makna perkataan serta gaya kaedah nahu bahasa asal tanpa perubahan atau dengan sedikit perubahan (Al-Jaburi, 2001:68).

Terjemahan perkataan seperti ini dianggap kurang kualiti terjemahan dengan susunan gaya bahasa yang lemah di samping tidak mengambil kira kehendak makna perkataan mengikut kehendak ayat. Susunan ayat yang diterjemahkan daripada bahasa asal tidak mengambil kira susunan bahasa yang diterjemahkan. Begitu juga makna perkataan yang diterjemahkan itu tidak menepati kehendak maksud ayat (Al-Jaburi dan Abdul Karim, 1993:18). Terjemahan seperti ini digunakan untuk menterjemah teks di kalangan bahasa yang hampir sama dan juga budaya yang hampir sama (Viney. J-P, 1989: 63).

Terdapat juga sarjana yang menyokong terjemahan ini dengan hujah bahawa terjemahan ini merupakan terjemahan yang tepat dalam memindahkan maklumat. Tidak kurang juga sarjana yang menolak terjemahan ini kerana ia tidak mengambil kira susunan ayat yang diterjemahkan (Muhamad dan Syarif, 1996:23). Pelajar selalu menggunakan terjemahan seperti ini dalam menterjemahkan bahan bacaan mereka. Ini disebabkan mereka lebih senang memahami maksud daripada teks asal dengan tepat. Begitu juga proses pengajaran bahasa Arab berorientasikan terjemahan seperti ini. Dengan sebab ini, pelajar menjadi terbiasa dengan terjemahan seperti ini. Mereka akan menggunakannya untuk menterjemahkan apa sahaja teks yang diberi.

Sebenarnya terjemahan seperti ini boleh digunakan dengan mengambil kira susunan gaya bahasa yang diterjemahkan dan makna perkataan mengikut kehendak gaya ayat. Aion Mohd dan Abdullah Hassan (2008:202) mengemukakan perbincangan tentang menterjemah perkataan dalam ayat. Mereka mencadangkan supaya pelajar perlu belajar suatu teori yang boleh digunakan untuk memahami perubahan makna dalam ayat. Semua perkataan dengan tidak mengira bahasa kebiasaannya tergolong dalam empat kumpulan makna.

- i.** Kata benda
- ii.** Kata peristiwa
- iii.** Kata abstrak
- iv.** Kata penghubung

Dalam menterjemah perkataan dalam ayat, pelajar hendaklah mengetahui makna-makna yang terdapat pada perkataan asal dan mengetahui perkataan bahasa yang hendak diterjemahkannya supaya dapat menyesuaikan makna dengan kehendak ayat. Contohnya seperti ayat berikut:

Perkataan “ ” pada asalnya membawa makna meminta bantuan atau pertolongan (Abd Rauf dan rakan, 2005:261). Dalam ayat ini ia membawa makna berpandukan. Terjemahannya ialah tuliskan sebuah kisah berpandukan gambar dan perkataan (Abdul Rahman Chik, 2009:48). Bagi mengatasi masalah ini, pelajar hendaklah didedahkan dengan terjemahan dan diberi latihan secukupnya. Bertolak

dari sini, kajian ini cuba melihat tahap penguasaan pelajar dalam menterjemah perkataan berimbuhan daripada pola tiga huruf dan kata terbitan daripadanya berdasarkan terjemahan frasa dan rangkap ayat.

Berdasarkan kepada beberapa kajian yang dibahaskan tidak terdapat kajian yang dijalankan bagi mengenal pasti kemahiran terjemahan perkataan Arab berimbuhan di peringkat universiti. Bertolak dari sini, terjemahan perkataan dalam bentuk frasa dan rangkap tidaklah semata-mata memindah makna perkataan ke dalam bahasa sasaran. Begitu juga halnya dalam menterjemah perkataan berimbuhan. Hal ini disebabkan, perkataan tersebut mempunyai pelbagai makna mengikut kehendak dan kesesuaian susunan ayat dan rangkap. Kajian ini dijalankan bagi melihat kemahiran pelajar jurusan bahasa Arab di peringkat IPTA menterjemahkan perkataan Arab berimbuhan daripada frasa dan rangkap ayat

2.12 Penutup

Dalam membincangkan kemahiran terjemahan perkataan Arab berimbuhan dalam kalangan pelajar IPTA, kajian ini menyentuh tentang pola perkataan berimbuhan, strategi yang diguna pakai bagi memantapkan penguasaan terjemahan, pendekatan terjemahan dan hafalan.

Kajian ini juga membincangkan pendekatan penterjemahan di sekolah-sekolah pondok, sekolah menengah kebangsaan agama dan juga sekolah agama rakyat. Pendekatan ini bertujuan menggalakkan kemahiran menterjemah dan penguasaan kosa kata dengan memperbanyakkan soalan dan jawapan supaya pelajar boleh menggunakannya pada setiap masa, mengemukakan pelbagai situasi

dialog dan cerita yang berkaitan dengan persekitaran kehidupan pelajar, mendedahkan situasi berhubung dengan kemasyarakatan dan situasi-situasi yang boleh membantu pelajar dalam penggunaan bahasa serta sentiasa menterjemahkannya.

Di samping itu, kajian ini juga mengetengahkan isu-isu mengenai terjemahan serta sorotan kajian lampau. Terdapat beberapa kajian lampau yang berkaitan dengan terjemahan antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Abdul Hadi bin Abdullah membincangkan sejarah penterjemahan dari zaman permulaan dan teori terjemahan, Wan Anizah binti Wan Mahmud mengupas kaedah terjemahan sari kata dengan membandingkan dua bentuk genre rancangan televisyen, Asmah Omar membincangkan masalah terjemahan dan interpretasi dari pelbagai sudut dan pandangan, teori, praktik dan sudut perlaksanaan terjemahan itu sendiri, Ainon Mohd menyatakan secara prinsipnya terjemahan bukanlah kejayaan penterjemah memindah sesuatu bahan sebaliknya kejayaan despresi karya terjemahan yang dapat memindahkan isi dan bentuk karya asal, Muhammad Bukhari Lubis menyentuh tentang peranan, teori, kaedah, prinsip dan teknik terjemahan serta analisis kesalahan dan ketepatan terjemahan.

Berdasarkan kepada kajian yang dibahaskan tadi, secara keseluruhannya tidak terdapat satu kajian pun yang dijalankan menjurus bagi tujuan mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran terjemahan perkataan Arab berimbuan di peringkat IPTA sebaliknya kajian ini lebih memfokus dalam membincangkan tentang sejarah dan kaedah penterjemahan, gaya dan uslub terjemahan, teori,

peranan, prinsip, teknik , masalah pengajaran terjemahan disamping analisis kesalahan dan ketepatan terjemahan.

Lantaran itu kajian ini mengetengahkan secara terperinci tahap penguasaan kemahiran terjemahan perkataan Arab berimbuhan yang terbentuk dari pola tiga huruf, sama ada imbuhan awalan , sisipan, apitan dan akhiran. Juga mengetengahkan pola-pola yang terbentuk dari perkataan berimbuhan tersebut yang mana menghasilkan konotasi baharu dari segi kaedah dan makna serta maksud terjemahannya. Di samping itu penekanan juga diberikan terhadap perubahan makna dan maksud bagi setiap perkataan berimbuhan tersebut.

BAB 3